

November 7, 2023

FPHP BULLETIN

HOT & TOUR

NEWSLETTER VOL. 2/2023

"Together, We Make it Great!"

FPHP 2023 EVENTS & ACTIVITIES

ACADEMIC TRIP TO UNESCO WORLD HERITAGE SITE IN GEORGETOWN, PENANG

Knowledge Transfer on Food and Beverage Industry by Mandarin Hotel Doha, Qatar

Kursus Etika di Meja Makan



2023 HIGHLIGHTS

HADRAH 7.0

PERTANDINGAN

'BATTLE OF EMPOWER BARISTA ART'

Afternoon Tea: A Timeless Tradition
(HTP283- Cafe Service Operation)



Faculty of Hotel & Tourism Management

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh, PENANG
Tel:04 3823888 Fax: 04 3823861

HOT & TOUR NEWSLETTER
NOV. VOL.2/2023

<https://anyflip.com/homepage/oistf>
https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm

ISSN 2231-7422

FPHB BULLETIN HOT&TOUR NEWSLETTER

VOL. 2 2023 NOVEMBER ISSUE

Pg 3

Kursus Etika di Meja Makan

Oleh: Norhamizan Hamir (Dr.) & Norliana Hashim

Etika di meja makan merupakan salah satu aturan yang perlu di titik beratkan ketika menghadiri sesuatu majlis rasmi. Ianya bermula daripada saat seseorang itu sampai ke tempat jamuan sehingga seseorang itu meninggalkan majlis tersebut. Jika seseorang itu gagal memahami atau mempunyai sebarang pengetahuan berkaitan dengan etika di meja makan maka akibatnya ia boleh mencetuskan perasaan malu, tidak yakin diri serta akan mewujudkan rasa tidak selesa kepada tetamu lain yang hadir di dalam majlis tersebut.

Menyedari hakikat pentingnya mempunyai pengetahuan berkaitan etika di meja makan, pelajar semester 1 dari Program Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat, UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan kursus tersebut pada 17 Jun 2023 bertempat di Hotel UiTM Cawangan Pulau Pinang. Seramai 95 orang pelajar dan 5 orang pensyarah pengiring telah menyertai kursus ini. Kursus ini telah dibimbing oleh Dr Norhamizan Hamir selaku fasilitator.



Events Highlights

Kursus yang bermula pada pukul 6 petang itu telah di pecahkan kepada 2 bahagian iaitu bahagian teori dan praktikal. Untuk tempoh 1 jam 30minit yang pertama para peserta telah didedahkan kepada beberapa topik yang berkaitan etika di meja makan seperti jenis-jenis menu, peranggu meja makan, penggunaan peranggu meja makan serta etika yang betul semasa di meja makan. Pada bahagian yang kedua melibatkan tatacara di meja makan. Sesi yang melibatkan praktikal ini memberikan peserta peluang untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari sebelumnya.

Peserta telah dihidangkan dengan menu istimewa masakan barat yang disediakan oleh Hotel UiTM Pulau Pinang. Hasil maklumbalas daripada peserta, mereka sangat teruja disamping mendapat pengetahuan baru dan lebih berkeyakinan untuk hadir ke majlis makan malam. Bagi pensyarah pengiring yang hadir, mereka turut mengharapkan yang kursus ini akan dapat di anjurkan lagi bagi memberikan pendedahan kepada lebih ramai lagi pelajar sebagai salah satu persediaan di dalam membentuk etika profesional sebagai seorang bakal pekerja.

Read More On

<https://anyflip.com/homepage/oistf>
https://is.gd/fphpnewsletter_penangutm

Faculty of Hotel & Tourism Management
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang
Permatang Pauh Campus
13500 Permatang Pauh
PENANG

Tel:04 3823888/fax:04 3823681

HOT & TOUR NEWSLETTER
NOV. VOL. 2/2023



ISSN 2231-7422